



KHAZANAH
NASIONAL

SIARAN MEDIA

Kuala Lumpur, 1 Julai 2019

Khazanah umum pelantikan Ahli Lembaga Pengarah baharu

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) dengan sukacitanya mengumumkan pelantikan ahli-ahli Lembaga Pengarah baharu berkuatkuasa 26 Jun 2019. Mereka adalah:

1. To’ Puan Azian binti Mohd Aziz
Ketua Bahagian Penasihat, Jabatan Peguam Negara Malaysia
2. Profesor Xiao’ou Tang
Penasas SenseTime & Profesor di Chinese University of Hong Kong
3. Encik Lau Seng Yee
Naib Presiden Eksekutif & Pengerusi Pemasaran Kumpulan dan Penjenamaan Global, Tencent Holding Company Limited

Khazanah mengalu-alukan pelantikan ahli-ahli Lembaga Pengarah yang baharu ini dan berharap akan dapat terus bekerja dengan Lembaga Pengarah kami yang diketuai oleh Pengerusi, Y.A.B. Tun Dr Mahathir Mohamad, untuk memenuhi mandat kami sebagai dana kekayaan berdaulat Malaysia.

TAMAT

Sila hubungi Mohd Raslan Md Sharif di talian +603 2034 0000 atau emel raslan.sharif@khazanah.com.my untuk sebarang penjelasan atau maklumat lanjut.

Tentang Khazanah Nasional Berhad

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) adalah dana kekayaan berdaulat Malaysia yang diamanahkan untuk meningkatkan kekayaan jangka panjang negara melalui objektif komersial dan strategik yang berbeza. Objektif komersial Khazanah adalah untuk membangunkan aset kewangan dan mempelbagaikan sumber pendapatan negara, sementara objektif strategiknya pula adalah untuk memegang aset strategik yang membawa manfaat ekonomi jangka panjang. Khazanah dipandu oleh falsafah pelaburannya yang menekankan kepada pencapaian pulangan kewangan yang dilaraskan dengan risiko yang sesuai, menjana pulangan mampan serta mengintegrasikan pertimbangan pelaburan yang beretika dan bertanggungjawab. Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, sila layari www.khazanah.com.my.

LAMPIRAN: PROFIL RASMI AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH BAHARU

1. To' Puan Azian binti Mohd Aziz

To' Puan Azian memegang ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) daripada Universiti Malaya. Kerjaya beliau bermula pada 1 Oktober 1987 apabila dilantik sebagai Peguam Persekutuan di Jabatan Peguam Negara Malaysia.

Beliau telah menyandang beberapa jawatan sepanjang kerjaya beliau termasuk Penasihat Undang-Undang kepada Kementerian Pengangkutan, Peguam Kanan Persekutuan di Bahagian Penasihat dan Bahagian Penyelidikan Jabatan Peguam Negara, Penolong Kanan Penggubalan Parlimen dan Penasihat Undang-Undang kepada Kementerian Pertahanan.

Pada tahun 2010, To' Puan Azian telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan ("ILKAP") di Jabatan Perdana Menteri. Seterusnya pada tahun 2012, beliau telah dilantik sebagai Peguamcara Perbendaharaan, Kementerian Kewangan. Pada tahun 2014, To' Puan Azian dilantik sebagai Timbalan Ketua Penasihat (Perbandaran) I di Jabatan Peguam Negara. Pada akhir tahun 2016, beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Ketua Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Peguam Negara.

To' Puan Azian kini adalah Ketua Bahagian Penasihat di Jabatan Peguam Negara Malaysia sejak 1 November 2018.

2. Prof. Xiao'ou Tang

Prof. Xiao'ou Tang adalah pengasas SenseTime, sebuah syarikat kecerdasan buatan (AI) yang terkemuka yang memfokuskan kepada visi komputer dan pembelajaran mendalam. Prof. Tang dianggap sebagai salah seorang saintis AI paling berpengaruh. Beliau adalah profesor di Jabatan Kejuruteraan Maklumat di Chinese University of Hong Kong. Beliau berkhidmat sebagai Pengarah Bersekutu di Shenzhen Institute of Advanced Technology of the Chinese Academy of Science.

Professor Tang juga merupakan felo IEEE, ketua program Persidangan Antarabangsa IEEE bagi Visi Komputer ("ICCV") pada tahun 2009, dan ketua umum ICCV pada tahun 2019. Beliau kini berkhidmat sebagai Ketua Editor di International Journal of Computer Vision ("IJCV"), salah satu daripada dua jurnal utama mengenai visi komputer. Profesor Tang menerima Anugerah Kertas Kerja Terbaik di Persidangan IEEE dalam Visi dan Pengiktirafan Pola Komputer (CVPR) pada tahun 2009.



Profesor Tang menerima ijazah Ph.D. dari Massachusetts Institute of Technology pada tahun 1996. Beliau memegang Ijazah Sarjana Sains dari University of Rochester dan Ijazah Sarjana Muda Sains dari University of Science and Technology of China.

3. Lau Seng Yee

Lau Seng Yee dikaitkan dengan Tencent Holding Company (“Tencent”) sejak tahun 2006 sebagai sebahagian daripada pasukan pengurusan kanannya. Syarikat yang beliau bantu bangunkan bersama barisan pengurusan yang lain kini berada di kedudukan lima syarikat tersenarai teratas dalam teknologi global dengan modal pasaran melebihi USD430 bilion. Dikenali kini sebagai “syarikat WeChat”, Tencent ditubuhkan pada tahun 1998 dan seterusnya berkembang secara pesat.

Selain daripada peranan pengurusan globalnya, Lau memperjuangkan penggunaan teknologi untuk kebaikan sejagat dan pembangunan kemanusiaan secara mampan. Beliau percaya bahawa dunia yang kita diami hari ini bukan milik kita, kerana kita hanyalah penjaga untuk generasi masa depan. Justeru itu, beliau aktif berceramah dalam hal-hal sosial di pelbagai forum antarabangsa termasuk di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, UNESCO, Persidangan Antarabangsa AI Dubai dan IMF.

Lau diiktiraf sebagai “Personaliti Media Global” oleh Cannes Lions pada tahun 2015, penghormatan yang sangat berprestij yang dianugerahkan oleh Cannes Lions Festival of Creativity. Sebagai orang pertama dari Asia yang menerima anugerah ini, beliau menyertai senarai penerima terdahulu anugerah ini termasuk pengasas Facebook, Mark Zuckerberg; bekas CEO Microsoft, Steve Balmer; dan bekas Pengerusi Eksekutif Google, Eric Schmidt. Pengiktirafan ini adalah hasil daripada minat dan usahanya untuk mengubah kuasa digitalisasi di China.

Beliau adalah seorang alumni tersohor di Universiti Kebangsaan Malaysia dan menerima MBA Eksekutif dari Rutgers University di New Jersey, Amerika Syarikat. Beliau telah mengikuti Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School dan kini menjadi ahli Lembaga Penasihat Harvard Business School Global sejak tahun 2015.